

# DUNIA GELAP, SERAM DAN MISTERI

Oleh **ANDIKA SYAHMI SYAHIRAN**

KRISIS identiti dan kurang jati diri antara remaja sekarang terjebak dalam masalah sosial. Mereka cukup mudah terikut-ikut dengan pengaruh persekitaran. Jika dahulu masalah sosial didakwa banyak berlaku kepada remaja di bandar, remaja luar bandar sekarang juga tidak jauh bezanya.

Sebenarnya, semua ini berlaku disebabkan kelahiran subbudaya baharu dari luar yang bersifat negatif. Contohnya, budaya *Skinhead* yang menjadi ikutan remaja di negara ini merupakan budaya yang dipinjam dari Eropah. Budaya ini akhirnya berkembang dan mencetuskan kejahatan sosial yang baharu.

Kini, muncul satu lagi subbudaya baharu di negara ini. Ia juga berasal dari Barat yang sama sekali tidak relevan untuk menjadi ikutan rakyat negara ini. Pada



**BERFESYEN** untuk keseronokan.

hujung minggu, cuba perhatikan remaja yang berkeliaran di kota dan lihat gelagat segelintir daripada mereka yang memakai kot berjalur merah atau putih, bercelak hitam, bergincu hitam, serta bertali leher. Ada yang kelihatan seperti mayat hidup dan juga seperti badut sarkas! Mereka ini dikenali sebagai Gothik. Seperti lazimnya, subbudaya ini muncul di Barat dan sekarang menjadi ikut-ikutan remaja di negara ini terutamanya dalam kalangan remaja Melayu.

Pakaian pengikut Gothik ini bertemakan warna hitam dan diselitkan dengan warna tertentu, iaitu merah dan putih. Golongan ini mempunyai etika berpakaian tersendiri yang cuba memperlihatkan unsur kegelapan, kematian dan misteri.

Di Barat, gaya hidup Gothik ini sudah lapuk dan fesyennya sudah lama diterima

anggapnya pelik. Mungkin mereka tidak pernah tengok," kata Zek.

Bagi penulis, mereka sebenarnya terikut-ikut dan terpengaruh tanpa memahami makna Gothik dalam erti kata sebenar. Apabila kami cuba memancing bertanyakan apakah yang mereka tahu tentang muzik Gothik atau latar belakang ringkas gaya hidup Gothik, masing-masing berpandangan sesama sendiri.

Pelbagai jawapan diberikan. Semuanya jauh tersasar. "Kami ikut fesyen Jepunlah," kata Illa. "Bukanlah ..." sampuk Liana. Jawapan yang diberikan sudah cukup menggambarkan siapa mereka. Remaja yang mudah terpengaruh dan terikut-ikut dengan jiwa remaja mereka. Juga apabila ditanya apa-apa yang membuatkan mereka terdorong memakai pakaian pelik, mereka seperti hilang arah. Tidak tahu apa-apa jawapan yang harus diberikan.

Kebanyakan mereka merupakan remaja

umum di sana. Fesyen Gothik sebenarnya mempunyai simbolik tersendiri. Golongan ini memakai celak dan bergincu hitam, gaya rambut yang luar biasa, bertindik, dan memakai *boundage* bagi menggambarkan dunia gelap mereka. Selain itu, di poket baju mereka diselitkan bunga mawar berwarna putih atau merah yang merupakan simbol kematian. Begitu juga dengan pemakaian payung, terutamanya payung hitam yang juga melambangkan kematian.

Masyarakat Barat tidak memandang golongan ini sebagai kumpulan yang ganas. Lazimnya pengikut Gothik tidak terlibat dengan kekacauan atau keganasan. Mereka sebenarnya mahu tampil berbeza daripada orang di sekitarnya. Mereka tidak suka diganggu dan pada masa yang sama mereka inginkan perhatian daripada komunitinya.

Kebanyakan pengikut asal aliran Gothik di Barat terdiri daripada individu yang memiliki keperibadian yang tidak normal. Mereka dikaitkan dengan remaja yang menghadapi tekanan perasaan, kemurungan dan masalah psikologi. Bagi mengisi jiwa yang kosong, mereka tampil dengan etika pakaian tersendiri untuk memperlihatkan dunia kegelapan mereka.

Apabila pengikut Gothik ini muncul di khalayak ramai, mereka teruja menunjukkan penampilan yang unik. Mereka lazimnya bergerak secara berkumpulan. Hubungan sesama mereka cukup akrab. Misalnya, mereka berpegangan tangan sesama rakan apabila berjalan kononnya untuk menghindarkan gangguan "orang luar"

Melayu daripada golongan masyarakat kelas biasa. Seperti kata mereka, ibu bapa tidak mengongkong mereka. Kebanyakan ibu bapa sibuk bekerja. Mereka juga bukanlah daripada keluarga yang bermasalah. Cuma kesibukan ibu bapa dan kurangnya masa yang terluang untuk anak-anak menyebabkan remaja bebas mencari keseronokan mengikut naluri remaja.

"Emak ayah bekerja. Kami adik beradik semua sekolah pagi. Balik sekolah, pandai-pandailah bawa diri. Bosanlah duduk rumah. Kalau tidak keluar ke sini pun, saya akan lepak dengan kawan-kawan yang sama minat dengan saya di kawasan perumahan kami. Emak ayah biasanya balik malam. Jadi kami lebih banyak menghabiskan masa dengan rakan-rakan," kata Illa.

Tambah Liana pula, kadang kala mereka terpaksa hidup sendiri akibat kesibukan orang tua bekerja. "Macam saya,

yang sering memperkotak-katikan mereka.

Dalam satu laman sesawang, [www.religioustolerance.org](http://www.religioustolerance.org), salah seorang pengikut Gothik yang hanya mahu dikenali sebagai Tigriss, mengakui bahawa imej Gothik cukup bersesuaian dengan dirinya. "Pakaian hitam dan muzik bertemakan kegelapan menggambarkan tekanan hidup, kesengsaraan, dan kemarahan yang menyelubungi sebahagian besar hidup saya. Kebanyakan rakan saya mempunyai keluarga yang bermasalah dan mempunyai zaman kanak-kanak yang tidak mengembirakan, sama seperti saya. Kami boleh mengenali antara satu sama lain melalui solekan tebal kehitaman yang memperlihatkan kesengsaraan kami," kata Tigriss.

Kenyataan Tigriss ini disokong oleh seorang penyelidik psikologi dari Amerika Syarikat, Jasin Tamlin. Menurut Jasin, "Jika anda merujuk 640 laman sesawang yang tersenarai dalam *Gothic Web Ring*, anda akan menemui sebahagian besar daripada mereka diselembungi dengan tekanan, terdesak, marah, benci dan terpinggir."

Menurut Jasin lagi, kebanyakan remaja ini bertukar kepada gaya hidup *Gothic* kerana mereka melalui banyak kesukaran hidup dan terasa dipinggirkan. Golongan ini mencari jalan untuk menzahirkan diri mereka secara pelik di khalayak ramai semata-mata untuk mendapatkan perhatian.

Kecenderungan pengikut Gothik ini mempamerkan diri mereka yang dibelenggu



**REMAJA** Gothik tidak peduli dengan pandangan serong masyarakat.

kekecewaan membawa implikasi sosial yang negatif. Banyak dalam kalangan pengikut Gothik ini yang menghadapi penyakit skizofrenia (tekanan perasaan yang melampau) hingga ada yang membunuh diri.

Ringkasnya, budaya ini muncul ekoran desakan hidup dan mengorak pemikiran secara berkumpulan sehingga membentuk budaya baharu. Budaya ini terus berkembang dan sekarang merebak pula ke negara ini. Persoalannya, adakah wajar budaya ini menjadi ikutan remaja di negara ini? Adakah remaja yang menjadi pengikut aliran Gothik ini mengetahui secara keseluruhan sejarah dan konseptual subbudaya baharu ini? Atau, mereka hanya mengikut secara membuta-tuli?

### Sejarah Gothik

Istilah Gothik bersifat subjektif. Istilah ini merujuk banyak situasi yang berbeza. Gothik berasal daripada bahasa Jerman iaitu Goth yang bermaksud golongan pelampau. Golongan Goth ini dibenci oleh bangsa Rom kerana merekalah yang bertanggungjawab menjatuhkan Empayar Rom.

Walau bagaimanapun, istilah ini lebih banyak digunakan untuk menggambarkan ciri seni pada zaman Pertengahan di Eropah (kurun ke-11, 12 dan 13). Sebagai contoh, lihat sahaja kemashyuran seni bina gereja besar di Eropah. Bangunan gereja berbumbung tinggi dihiasi menara berbentuk tajam menjulang ke udara, dengan hiasan *fresco* berlatarbelakangkan



Kesibukan ibu bapa dan kurangnya masa yang terluang untuk anak-anak menyebabkan remaja bebas mencari keseronokan mengikut naluri remaja mereka.

saya perlukan kawan. Saya anak bongsu. Dua kakak dan seorang abang sudah tidak tinggal dengan keluarga. Ayah dan emak pula sibuk. Jarang-jarang sangat kami dapat bersama. Selalunya hari Sabtu atau Ahad, apabila saya ajak mereka keluar,

mereka tidak mahu dengan alasan mahu berehat di rumah. Jadi, saya tidak ada pilihan. Jumpa kawan-kawan. Dahulu saya tidak begini. Dahulu apabila kawan pakai macam ni, saya pun kata pelik dan kelakar. Tapi lama-lama saya nampak ia unik dan minat nak cuba."

Rata-rata pengikut aliran Gothik yang ditemui tidak kisah dengan pandangan serong masyarakat terhadap mereka. Mereka juga mengakui bahawa mereka jadi begini atas pilihan dan kehendak sendiri.

"Kami ingin bebas dan menikmati sepenuhnya keseronokan dunia remaja," kata Zek.

"Selalu emak akan tanya juga mana saya pergi. Dengan siapa saya keluar. Bagi saya senang sahaja. Pandai-pandailah jawab. Jangan sampai rahsia bocor sudahlah," kata Illa, disambut gelak ketawa, tentunya penuh makna, hanya mereka sahaja yang tahu. ■

peristiwa yang tercatat dalam kitab Bible merupakan bentuk seni Gothik. Keindahan ukiran, manuskrip bersinar, lukisan panel, cat kaca, ialah antara ciri seni Gothik yang menarik.

Apabila masyarakat menelusuri era pasca-Zaman Perbaharuan pada abad ke-15 dan 16, konsep Gothik mula dilihat secara berbeza. Masyarakat pada zaman itu lebih terbuka dalam menilai agamanya serta mengangkat kebijaksanaan akal manusia dan keagungan tamadun terdahulu. Karya Gothik lebih memperlihatkan pengaruh tentangan terhadap gereja Katholik.

Pengaruh Gothik kembali bersemarak dengan gerakan Romantisisme pada abad ke-18 di Eropah Tengah. Gerakan yang berteraskan Gothik mencetuskan semangat aristokrasi dan sistem politik yang sedia ada di sana. Romantisisme mengangkat imaginasi manusia di tahap tertinggi. Unsur harmoni yang terdapat dalam emosi dan fantasi diluahkan melalui medium seni. Antara contoh terbaik ialah dalam bidang sastera.

Pelopor Romantisisme melaungkan slogan "yang terdahulu menjadi kunci kejayaan masa ini" dengan harapan keagungan nilai pada Zaman Pertengahan dahulu diangkat kembali agar kegemilangannya bersinar semula. Malahan istilah Romantisisme dianggap sebagai unsur romantik dan keperwiraan yang ditonjolkan dalam sastera pada Zaman Pertengahan. Antara tema karya zaman Romantisisme ialah kesedihan, kegelapan, kematian, kesunyian dan misteri. Adakah



**REMAJA** Gothik ini bangga memperagakan pakaiannya.

idea sastera Romantisisme berlawanan dengan idea Pembaharuan? Semestinya itulah matlamat utama teretusnya gerakan ini.

Britain ketika itu dibawah pemerintahan Ratu Victoria yang menyaksikan sektor industri dan sastera berkembang dengan pesat. Zaman ini terkenal dengan corak pemakaian dan seni bina yang menggunakan warna simbolik hitam dan putih. Kemunculan penulis novel fiksi seperti Lord Byron (*Don Juan*), Mary

Shelly (*Frankenstein*), dan Horace Walpole (*The Castle of Otranto*) memberikan impak besar kepada sastera *Gothik*.

Apabila muncul genre fiksi dan sastera berbentuk gelap sedemikian, perspektif asal *Gothik* terhapus. Sejak itu, *Gothik* dikaitkan dengan unsur khayalan, kegelapan, kematian, seram dan misteri. Pengikut *Gothik* cinta akan kematian! Hal itulah juga imej yang melingkari aliran *Gothik* bermula dari abad ke-20 hinggalah kini.

Jika dahulu *Gothik* dilihat dari persepsi seni bina dan sastera, perubahan masa menyaksikan pengaruh *Gothik* menjangkau sempadan itu. Ia diterima sebagai subbudaya. Buktinya, cuba teliti permainan elektronik, muzik keras, fesyen, bahkan terdapat filem yang menampilkan imej *Gothik*. Contohnya filem *Batman* menggunakan latar utama ceritanya di sebuah bandar yang dikenali sebagai Gotham City yang diselubungi kegelapan dan menampilkan wira misteri yang

berpakaian serba hitam. Selain itu, filem *The Crow* lakonan Brandon Lee turut menampilkan imej Gothik. Filem ini diadaptasi daripada sebuah komik yang dihasilkan oleh James O'Barr. Filem ini ialah filem imaginasi tentang seorang wira di alam gelap yang menuntut bela atas kematian dirinya dan tunangnya. Wira ini mengenakan kostum *boundage* dan vinil berwarna hitam serta mengecat mukanya dengan contengan dan solekan hitam dan putih – itulah imej Gothik.

Selain itu, bidang muzik turut menerima tempas hebat Gothik era Romantisime. Kesan muzik Gothik cukup besar hingga mempengaruhi golongan muda untuk menjadikan Gothik sebagai subbudaya. Britain merupakan pelopor muzik dan budaya Gothik. Setelah pengaruh irama *Punk Rock* reda seketika berikutan pembubaran kumpulan *Sex Pistols* pada 1978, pengaruh Gothik perlahan-lahan menerobos masuk ke dalam industri muzik Britain.

Mereka merujuk gaya Victorian dengan kostum hitam dan putih atau warna lain yang kontras dengan hitam. Terdapat juga usur kostum Zaman Pembaharuan dalam imej pakaian mereka.

Britain dilanda fenomena Gothik pada awal 1980-an dengan pembukaan kelab malam Gothik yang terkenal, *Batcave*, di London. Di situlah pusat pertemuan pemuzik dan pengikut Gothik awal di Britain. Kelab malam itu bukan sahaja popular, malah pengunjung setianya

diberikan gelaran "*Batcaver*" berikutan ketaksuban mereka terhadap Gothik.

Muzik keras yang muncul pada pasca-*Punk* sekarang lebih menekankan konsep zaman Romantisime, seram dan kegelapan. *Bauhaus* merupakan kumpulan muzik pertama muncul dengan konsep ini. Antara kumpulan muzik lain yang ghairah memperjuangkan muzik *Gothik Rock* ialah *Siouxie and The Banshees*, *The Sisters of Mercy*, dan *Fields of The Nephilim*. Dalam

era kerancakan pengaruh Gothik inilah pengaruhnya tersebar meluas ke seluruh dunia.

Fenomena Gothik yang dicetuskan oleh *Batcave* mewujudkan budaya baharu kepada generasi muda di seluruh dunia. Di Amerika Syarikat, Los Angeles menjadi pusat lahirnya pengaruh Gothik. Di sesetengah negara seperti Jepun, imej Gothik disesuaikan dengan budaya tempatan sehingga melahirkan golongan Gothik *Lollita* yang popular

dalam kalangan anak gadis di Jepun.

Hingga ke era milenium ini, Gothik diterima bukan sahaja sebagai elemen muzik malah menjadi pengaruh dalam budaya di kebanyakan negara, termasuk Malaysia. Persoalannya, adakah imej hitam dan gelap itu relevan dengan misi negara ini yang sedang giat berusaha membangunkan "modal insan" yang berkualiti dan patuh kepada perintah agama? Itulah yang perlu difikirkan. ■